

ANUGERAH

# Guru Arif Budiman

---

Grand Hyatt Singapore

Sabtu, 23 Julai 2011

---

# *Anugerah Guru Arif Budiman*

## *2011*

*anjuran  
Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura (KGMS)  
dengan sokongan  
Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan  
Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)*

# *Ikrar Guru*

*Kami, guru-guru Singapura, berikrar:*

*Kami akan menghasilkan yang terbaik untuk pelajar kami.*

*Kami akan menjadi teladan semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab.*

*Kami akan membimbing pelajar kami supaya menjadi rakyat Singapura yang baik dan berguna.*

*Kami akan terus belajar dan memupuk cinta akan pembelajaran kepada pelajar kami.*

*Kami akan mendapatkan kepercayaan, sokongan dan kerjasama ibu bapa dan masyarakat untuk membolehkan kami mencapai misi kami.*

# *Itinera* Cara

1.00 petang	Pendaftaran
1.30 petang	Persembahan Gamelan oleh Politeknik Republik
2.00 petang	Ketibaan Tetamu Kehormat  Persembahan Silat oleh Sekolah Rendah Loyang dan Persatuan Silat Grasio Revue  Ucapan Pengurus Jawatankuasa AGAB 2011 Encik Norazlan Ibrahim
	Ucapan Tetamu Kehormat Encik Heng Swee Keat Menteri Pendidikan
	Persembahan Tarian oleh Sekolah Menengah Bukit Batok dan Sekolah Rendah Yangzheng
2.30 petang	Pembacaan Watikah dan Tayangan Video  Penyampaian Anugerah Guru Arif Budiman 2011  Penyampaian Cenderahati  Jamuan
4.00 petang	Majlis berakhir

## **Anugerah Guru Arif Budiman**

*Sejak dimulakan pada tahun 2007, tahun ini merupakan tahun kelima, Anugerah Guru Arif Budiman dianjurkan.*

*Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura (KGMS) dengan sokongan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) menganjurkan Anugerah Guru Arif Budiman 2011 bagi mengiktiraf sumbangan guru-guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.*

### **Objektif Anugerah Guru Arif Budiman**

*Anugerah ini bertujuan mencapai objektif yang berikut:*

- ❖ Mengiktiraf guru Bahasa Melayu atas sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah;
- ❖ Mengiktiraf dan menyokong sumbangan guru Bahasa Melayu melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan; dan
- ❖ Mengangkat sebagai teladan, guru-guru yang cemerlang dalam memperjuangkan dan memajukan Bahasa Melayu.

### **Gelar dan Jenis Anugerah**

*Anugerah Guru Arif Budiman – Teladan*

- ❖ Diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang telah berkhidmat sebagai guru lebih dari 10 tahun.

*Anugerah Guru Arif Budiman – Perangsang Melayu*

- ❖ Diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang telah berkhidmat sebagai guru kurang dari 10 tahun.

# Kandungan

Ikrar Guru	2
Atur Cara	3
Anugerah Guru Arif Budiman	4
Kata Alu-aluan	6
Jawatankuasa AGAB 2011 & Panel Penilai	10
Pemenang AGAB 2011	11
Guru Perangsang [Sekolah Menengah/Maktab Rendah]	12
Guru Teladan [Sekolah Rendah]	15
Guru Teladan [Sekolah Menengah/Maktab Rendah]	19
Finalis AGAB 2010	23
Finalis Guru Perangsang [Sekolah Rendah]	24
Finalis Guru Perangsang [Sekolah Menengah /Maktab Rendah]	31
Finalis Guru Teladan [Sekolah Rendah]	34
Finalis Guru Teladan [Sekolah Menengah/ Maktab Rendah]	38
Pemenang AGAB 2007 - 2010	42
Sekalung Budi	47



## Sekapur Sirih

**Encik Hawazi Daipi**

Setiausaha Parlimen Kanan,

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Tenaga Manusia  
Pengerusi, Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan  
Penggunaan Bahasa Melayu (MLPC)

**A**nugerah Guru Arif Budiman 2011 merupakan anugerah yang dianjurkan untuk kali kelima bagi mengiktiraf kecemerlangan dan profesionalisme para guru Bahasa Melayu Singapura. Sekalung tahniah untuk Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura (KGMS) atas usaha yang berterusan bagi memberikan penghargaan dan meningkatkan martabat guru-guru Bahasa Melayu ke arah pencapaian visi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, Arif Budiman.

Guru Bahasa Melayu yang berketerampilan dan berdedikasi merupakan kunci bagi pengajaran dan pembelajaran yang aktif lagi berkualiti dalam bilik darjah. Sebagai model pengguna bahasa yang baik, guru Bahasa Melayu memainkan peranan yang penting dalam mengukuhkan keupayaan berkomunikasi anak didik kita. Selain kerja keras yang berterusan, guru Bahasa Melayu perlu meningkatkan keupayaan untuk memupuk nilai budaya dan kecintaan para pelajar terhadap bahasa serta bangga menggunakanannya. Oleh itu, slogan Bulan Bahasa 2011, ‘Warisan Masa Depan. Bahasa Kita. Gunakanlah’ boleh dihayati oleh golongan pelajar dan dijayakan dengan lebih berkesan melalui keupayaan guru merancang dan melaksanakan program Bahasa Melayu bagi meningkatkan minat dan perhatian pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

Tahniah juga saya ucapkan kepada tiga orang penerima Anugerah Guru Arif Budiman pada tahun ini. Dengan profil pelajar Bahasa Melayu dan landskap pendidikan yang sentiasa berubah, saya akur bahawa kewajipan seorang guru menjadi lebih mencabar. Guru bukan sahaja harus menyesuaikan diri dengan kehendak dan kebolehan pelajar yang pelbagai tetapi juga memberikan pendidikan yang menyeluruh. Tuntutan yang pelbagai ini memerlukan guru-guru Bahasa Melayu lebih inovatif. Guru harus memikirkan strategi-strategi

yang dapat menarik minat supaya dapat mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu dalam setiap ruang dan peluang yang ada di dalam luar kelas dan sekolah. Justeru pengiktirafan ini semestinya mencerminkan komitmen dan dedikasi guru demi meraih manfaat daripada perubahan-perubahan kurikulum yang dituntut. Semoga kejayaan mereka ini menjadi pembakar semangat serta memberikan motivasi kepada guru-guru lain dalam memperjuangkan bahasa dan budaya Melayu.

Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu akan terus memberikan sokongan padu kepada usaha pertubuhan masyarakat, seperti yang telah dilakukan oleh KGMS, dalam menggalakkan pembelajaran dan penggunaan bahasa Melayu yang lebih meluas di setiap lapisan kalangan masyarakat di Singapura.



# Sekacip Pinang

**Md Thahirrudin bin S. Kadarisman**

Yang Di-Pertua

Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura (KGMS)

*A*ri ini merakamkan tahun kelima Anugerah Guru Arif Budiman dinobatkan kepada guru-guru yang telah menyumbangkan bakti dan dedikasi kepada dunia pendidikan Bahasa Melayu di Singapura.

Kami di KGMS bersyukur ke hadrat Ilahi atas terlaksananya AGAB yang kelima ini. Terima kasih kepada jawatankuasa AGAB 2011 yang terdiri daripada ahli KGMS dan sekretariat Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakkan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) kerana sentiasa membantu kami melaksanakan usaha yang mulia ini.

Sejak 2007, 17 orang guru telah diiktiraf sebagai guru Arif Budiman dan pada tahun ini tiga orang lagi akan diberikan pengiktirafan. Walau bagaimanapun, ramai lagi pendidik yang mempunyai nilai arif dan budiman di sekolah-sekolah, termasuklah mereka yang mengajar di peringkat institusi pengajian tinggi. Kita harus berbangga dengan guru-guru kita, lebih-lebih lagi mereka yang sudah dianugerahi Anugerah Guru Arif Budiman. Syabas bagi pemenang AGAB 2011.

KGMS dan MLLPC menobatkan guru-guru dari sekolah-sekolah arus utama atas sumbangan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Pada masa yang sama, sumbangan guru Bahasa Melayu melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan akan diberikan sokongan dan pengiktirafan. Tambahan pula, penghargaan ini juga bertujuan untuk mengiktiraf guru-guru yang cemerlang sebagai guru teladan dalam memperjuangkan dan memajukan Bahasa Melayu.

Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah kepada pemenang-pemenang AGAB 2011 dan jawatankuasa AGAB 2011 yang telah berusaha dengan sebaiknya untuk menjayakan usaha murni ini.



## Kata Alu-aluan

**Encik Norazlan Ibrahim**

Pengerusi

Jawatankuasa Anugerah Guru Arif Budiman 2011

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin sekolah yang telah memberi sokongan pada majlis hari ini. Majlis Anugerah Guru Arif Budiman 2011 memberi peluang kepada kita meraikan kecemerlangan guru dalam kerjaya perguruan.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah mencalonkan guru-guru bagi Anugerah Guru Arif Budiman. Majlis ini amat bermakna kepada masyarakat guru Bahasa Melayu. Walaupun kita meraikan penerima Anugerah Guru Arif Budiman, saya yakin terdapat lebih ramai guru yang sama hebatnya. Saya harap guru-guru ini akan dicalonkan untuk Anugerah Guru Arif Budiman pada tahun-tahun akan datang.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, proses penilaian dan pemilihan dijalankan secara kritikal dan terperinci. Tahun ini, panel pengadil, dengan sebulat suara, telah memilih tiga orang pemenang. Pemilihan ini berdasarkan bukan sahaja pada kekaryawanan mereka tetapi juga pada kesan kerjaya mereka pada para pelajar, masyarakat dan negara.

Saya ucapkan tahniah kepada semua penerima Anugerah Guru Arif Budiman pada hari ini. Saya yakin anda semua akan terus menjadi inspirasi kepada para pelajar dan akan terus memberi galakan dan rangsangan kepada mereka supaya sentiasa berusaha menjadi pelajar yang terbaik.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa Anugerah Guru Arif Budiman 2011 yang telah sama-sama bergotong-royong untuk menjayakan majlis ini.

Sekali lagi, saya ucapkan tahniah kepada semua pemenang.

# *Jawatankuasa Anugerah Guru Arif Budiman 2011*

Penasihat:	Mohd Thahirrudin S. Kadarisman	
Pengerusi:	Norazlan Ibrahim	
Setiausaha:	Zafilin Abdul Hamid Hj. Subari Sukaimi	
Anggota:	Abdul Malek Ahmad	Mohamad Nor Mohd
	Arzami Salim	Hussain
	Azriena Asari	Mohd Taib Yusop Md Noor
	Djohan Abdul Rahman	Muhd Hafeez Hassan
	Hasnah Hassan	Norsena Mohd Yusof
	Hirman Mohamed Khamis	Nurhazimah Abdul Halim
	Kamaliah Osman	Rohan Nizam Basheer
	Khairul Anuar Ibrahim	Sri Rahayu Zainal
	Kasmawati Masood	Wan Wardah Mohd Wojdys
	Milahwati Hussain	

## *Sekretariat MLLPC*

Abdul Khalik Saidin	Norzanariah Md Said
R Azmann A Rahman	Rashidah Mohd Rafei
Siti Noraini Ibrahim	

# *Penilai Anugerah Guru Arif Budiman 2011*

Cik Azizah Ismaun	Encik Mohd Aidil Subhan
Puan Haslindah Mispan	Encik Mohd Ma'mun HMF Suheimi
Encik Isa Kamari	Encik Suparman Adam
Encik Ismail Pantek	Puan Rostinah Mohamad Said
Encik Mohamad Razali A. Hamed	Puan Suharti Ali

# *Pemenang Anugerah Guru Arif Budiman 2011*



**Guru Perangsang**  
Cikgu Farizan Md Amin  
Sekolah Menengah Ping Yi



**Guru Teladan**  
Cikgu Salha Mohamad Hussain  
Sekolah Menengah Regent



**Guru Perangsang**  
Cikgu Aryanti Sukaimi  
Sekolah Rendah CHIJ (Toa Payoh)



## Cikgu Farizan bin Md Amin

Guru Sekolah Menengah

Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2011

Kategori Guru Perangsang

Cikgu Farizan bin Md Amin telah berkecimpung dalam bidang pendidikan selama lapan tahun. Cikgu Farizan telah menyandang jawatan sebagai Ketua Jabatan Bahasa Ibunda sejak tahun 2010.

Sebagai wakil Kelompok Timur 7, beliau telah memulakan beberapa projek termasuk sesi perkongsian ‘Kemahiran Menulis’. Beliau juga telah mengetuai Kumpulan *Project Learning* – sebuah projek bagi meningkatkan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar. Untuk pelaksanaan projek ini, beliau telah berkolaborasi dengan guru-guru daripada jabatan lain untuk meningkatkan kemahiran lisan dalam kalangan pelajar.

Selain itu, Cikgu Farizan telah mendedahkan genre cerita pendek kepada para pelajarnya. Beliau telah membuat kajian awal tentang kesan cerita pendek menggunakan teknik Memahami Persekutaran dan Pandangan Dunia Penulis.

Sumbangan Cikgu Faizan bukan sekadar di sekolah sahaja. Pada tahun 2009, Cikgu Farizan telah mengendalikan sebuah kursus ‘Pengenalan kepada Bahasa dan Budaya Melayu’ untuk 28 orang belia dalam program Kapal untuk Belia Asia Tenggara (SSEAYP). Cikgu Farizan merupakan Ketua Delegasi Kebangsaan SSEAYP Singapura yang termuda.

Selain itu, beliau juga telah menerapkan pengajaran Bahasa Melayu dengan melatih seorang pelajar untuk Pertandingan Mendeklamasi Puisi

Bahasa Melayu. Berkat bimbingan Cikgu Farizan, pelajar tersebut berjaya merangkul anugerah. Dalam bidang kemasyarakatan, beliau pernah menyumbangkan tenaga sebagai sukarelawan di 4PM, Mendaki PFSC dan LBKM. Cikgu Farizan guru contoh yang sentiasa berusaha untuk membantu dan mendidik pelajarnya ke arah kecemerlangan.

## CATATAN GURU

Sebagai seorang pendidik Bahasa Melayu, saya bukan hanya setakat mengajar pelajaran Bahasa Melayu. Malahan, nilai-nilai murni melalui karya-karya sastera mampu memupuk dan menyemai semangat jati diri seseorang pelajar atau individu. Contohnya, dengan mengetengahkan kisah-kisah lelucon Pak Pandir serta kisah Si Tanggang, para pelajar di Sekolah Menengah Ping Yi (PYSS) dapat mengaitkan watak yang tidak sepatutnya diteladani diri sendiri kerana bakal membawa padah.

Genre cerpen pula mampu menguatkan dan menajamkan kosa kata para pelajar. Para pelajar didedahkan dengan kewujudan tokoh-tokoh sasterawan mapan seperti Shahnon Ahmad, Mohammad Latiff Mohammad dan juga A.Samad Said. Pendedahan ini dilakukan kepada para pelajar di peringkat menengah atas. Selain menguasai kosa kata yang baik, para pelajar juga didedahkan dengan isu-isu masyarakat.

Jauh perjalanan, luas pemandangan merupakan pepatah Melayu yang sering tersemat di dalam jiwa saya. Tanpa pendedahan pada persekitaran yang sebenarnya, kita mungkin tidak dapat menjawai perihal yang berlaku di dunia luar. Saya bersama pelajar-pelajar dan guru-guru telah ke India (Delhi-Jaipur-Agra) dalam program berkembar antara pihak sekolah PYSS dan juga sekolah di Jaipur. Program penyerapan budaya ini telah dimanfaatkan oleh para pelajar dan guru-guru. Kisah ini telah diterbitkan di Berita Harian pada bulan Disember 2010.

Walau bagaimanapun, sebagai seorang pendidik, pembahagian masa antara kerja dengan keluarga amatlah penting. Pengorbanan masa dan tenaga untuk melakukan kegiatan-kegiatan tersebut telah difahami oleh keluarga. Ramai individu telah menjadi sumber inspirasi dalam perjalanan ini. Bagi saya, setiap detik kejayaan ditujukan kepada nenda, isteri, anak, keluarga, rakan-rakan di tempat kerja dan juga para sahabat yang sama-sama telah melalui liku-liku perjalanan usaha murni ini sehingga tidak mengenal erti berputus asa dan sentiasa melakukan yang terbaik.





## Cikgu Ariyanti binte Sukaimi

Guru Sekolah Rendah CHIJ (Toa Payoh)

Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2011

Kategori Guru Teladan

Cikgu Ariyanti binte Sukaimi telah bertugas sebagai seorang guru Bahasa Melayu selama sepuluh tahun. Sebagai seorang *Curriculum Level Leader*, Cikgu Ariyanti memantau pengajaran yang dijalankan oleh guru-guru di sekolahnya supaya para pelajar sentiasa meraih manfaat.

Sumbangan Cikgu Ariyanti juga melangkaui batasan sekolah. Beliau telah terlibat dalam Program Berkembar Beijing yang dianjurkan sekolahnya. Cikgu Ariyanti mengambil inisiatif mempersiapkan murid-muridnya untuk sebuah persembahan budaya.

Selain menyumbang tenaga dalam pembelajaran bahasa Melayu di sekolahnya, beliau aktif berkongsi kepakaran dan pengetahuan pedagoginya menerusi beberapa organisasi setempat. Cikgu Ariyanti telah menjalankan bengkel-bengkel Persediaan Praktikum untuk membimbing para guru pelatih di Institut Pendidikan Nasional (NIE) sejak 2004. Selain di NIE, Cikgu Ariyanti turut mengadakan bengkel yang bertujuan melengkapkan guru madrasah dengan kemahiran pedagogi. Pada tahun 2009, Cikgu Ariyanti telah diundang sebagai salah seorang konsultan untuk perancangan strategik Madrasah Aljunied Al-Islamiah. Menggunakan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi, beliau membantu dalam pembentukan misi dan visi madrasah tersebut.

Dari segi pencapaiannya, dalam tahun 2009, Cikgu Ariyanti berjaya merangkul Anugerah Kecemerlangan Pedagogi (*Pedagogical Excellence Award*) kerana telah berkongsi pelbagai teknik pedagogi yang inovatif dalam pembelajaran bilik darjah.

Usaha Cikgu Ariyanti turut dilihat dalam peringkat antarabangsa. Bertamarkan tenaga pengajar dari Brunei, Malaysia dan Singapura, Cikgu Ariyanti membentangkan kertas kerjanya *High Frequency Words and the Impact of Teaching Reading to Struggling Readers* semasa persidangan 2009 CRPP.

## CATATAN GURU

Kerjaya saya sebagai seorang guru bahasa Melayu bermula sejak sepuluh tahun yang lalu. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berkongsi pengalaman saya sepanjang perjalanan yang mencabar dalam kerjaya ini.

Bagi saya, guru dan pelajar ada perkaitan simbiotik dalam pencarian ilmu di dalam kelas. Kita perlu mencedok pengetahuan atau pengalaman sedia ada pelajar untuk digunakan sebagai asas pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Konsep ini sejajar dengan teori konstruktivis yang mana pelajar menambah ilmu berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada mereka.

Sebagai seorang guru, ilmu itu bukan milik saya. Oleh itu, ilmu perlu dikongsi agar ilmu dapat berkembang dan dimanfaatkan oleh seberapa ramai guru yang mungkin. Apabila saya berkongsi, saya juga akan belajar daripada para peserta lain. Perkongsian itu bersifat dua hala. Bukan setakat kita memberi orang merasa, tetapi kita juga dapat manfaat melalui pertukaran idea dan pandangan yang berbeza. Ini sebenarnya menambah lagi ilmu pada diri saya dan meningkatkan pemahaman saya dalam perkara yang dikongsi.

Saya menyokong langkah kementerian dalam memperkenalkan pengajaran pembezaan untuk pelajaran bahasa Melayu di sekolah rendah. Kita perlu rajin menyediakan bahan-bahan pengajaran yang menepati keperluan pelajar yang pelbagai. Lantas, sikap malas tidak boleh wujud dalam diri seorang guru yang berjaya. Seorang guru tidak boleh mengajar secara membabi-butu. Setiap pengajaran harus dirancang terlebih dahulu supaya

objektif pengajaran akan tercapai. Penilaian holistik pula memerlukan guru untuk memilih dan merancang dengan teliti kaedah penilaian yang paling sesuai untuk menyokong pembelajaran. Justeru, seseorang guru tidak boleh merungut. Seorang guru harus sedar akan hakikat bahawa kerjayanya ini sememangnya mencabar. Terimalah segala cabaran dengan hati yang terbuka dan yakin bahawa sumbangan kita ini amat penting dalam menghasilkan pelajar-pelajar yang berilmu dan menyumbang kepada masyarakat.





## Cikgu Salha binte Mohd Hussain

Guru Sekolah Menengah Regent

Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2011

Kategori Guru Teladan

Cikgu Salha Mohamed Hussain memulakan kerjayanya sebagai seorang guru pada tahun 1989. Beliau lulus dengan Sijil Pendidikan (Kepujian) dan menerima empat anugerah cemerlang dari Institut Pendidikan. Pada tahun 2001, beliau melanjutkan pengajiannya ke peringkat sarjana muda. Seterusnya, pada tahun 2009, beliau berjaya meraih ijazah peringkat sarjana dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu. Beliau berazam untuk menyambung pengajiannya ke peringkat doktor falsafah (PhD).

Di sekolah, Cikgu Salha memegang jawatan Ketua Jabatan Bahasa Ibunda. Beliau memainkan peranan yang besar dalam meningkatkan kemahiran guru-guru di bawah bimbingannya. Dengan visi dan misi jabatannya yang tersendiri, Cikgu Salha telah melakarkan program yang menyerapkan Kemahiran Abad ke-21 di dalam diri para pelajarnya.

Cikgu Salha juga telah diamanahkan dengan tanggungjawab sebagai Pengurus Jawatankuasa Peperiksaan di sekolahnya. Sepanjang memegang tanggungjawab tersebut, beliau telah meningkatkan proses pengendalian dan penyeliaan peperiksaan. Beliau juga mengetuai Program Pengantarabangsaan (*Internationalisation Programme*). Program ini telah membawa para pelajarnya ke Kemboja, Vietnam, Indonesia dan Malaysia. Sebagai sebahagian daripada program ini, Cikgu Salha juga pernah

membentangkan kertas kerja di ‘Conference on Minority and Majority: Language, Culture and Identity’ di Sarawak pada tahun 2010.

Sejak tahun 2008, Cikgu Salha juga telah menerajui kepimpinan Kelompok Sekolah-Sekolah Barat 6. Mereka pernah ke Kuala Lumpur untuk mendalami cara-cara sekolah di sana melaksanakan program bacaan luas.

Dalam kesibukan menjalankan tugasnya sebagai seorang guru, beliau turut meluangkan masa menjadi Setiausaha bagi Jawatankuasa Eksekutif Aktiviti-aktiviti Melayu (MAEC), Kelab Masyarakat Woodlands. Sejak tahun 2003, sumbangan beliau kepada masyarakat dalam bidang bahasa, sastera dan budaya Melayu amat membanggakan.

Walaupun Cikgu Salha lebih banyak melibatkan diri dalam perancangan dan pelaksanaan program serta memegang tanggungjawab sebagai seorang pemimpin di sekolah, beliau sentiasa mengutamakan para pelajarnya.

## CATATAN GURU

Saya mempunyai prinsip bahawa, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu haruslah bersifat dinamik. Sebagai seorang guru Bahasa Melayu, saya berpendapat bahawa seorang guru tidak sepatutnya mengajar pelajar berbahasa Melayu semata-mata.

Guru juga perlu menyediakan pelajar untuk menghadapi masa depan yang penuh cabaran dan persaingan. Guru juga perlu menjadi seorang fasilitator. Guru harus melengkapkan diri para pelajarnya dengan sifat dan kemahiran seperti berkomunikasi, bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka dan dapat berfikir secara mandiri yang merupakan ciri kemahiran abad ke-21. Di samping itu, pelajar juga patut dilengkapi dengan kemahiran Informasi Komunikasi dan Teknologi Maklumat (ICT) agar seajar dengan keperluan masa kini dan relevan dengan pengalaman dan kecenderungan para pelajar.

Seorang guru Bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian pelajar. Pengajaran Bahasa Melayu wajar menekankan hal-hal kesusasteraan yang berkaitan dengan nilai budaya dan tradisi Melayu yang membentuk jati diri orang-orang Melayu agar dapat menyumbang kepada masyarakat dan negara.

Setiap guru Bahasa Melayu harus rajin membuat renungan dan muhasabah diri. Guru harus rajin meneroka strategi, pendekatan dan teknik pengajaran yang pelbagai, menarik serta dapat melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran. Guru harus juga menaiktarafkan mutu pengajaran dan pembelajaran demi kebaikan para pelajar. Tuntutlah ilmu untuk mempertingkatkan lagi kemahiran kita sebagai seorang guru. Prinsip guru yang berjaya ialah guru yang sentiasa meningkatkan keupayaannya dalam usaha untuk menjadikan pengajaran Bahasa Melayu itu menarik dan kekal relevan bagi anak didiknya.



# *Finalis Anugerah Guru Arif Budiman 2011*



Cikgu Nurashlyn Abdul Rashid  
Sekolah Rendah Boon Lay Garden




Cikgu Suriati Djuahir  
Sekolah Rendah West View



Cikgu Asmadi Mohamad  
Sekolah Menengah Damai



Cikgu Sabariah M Samuni  
Sekolah Rendah Boon Lay Garden



Cikgu Muslim Hanafiah  
Sekolah Menengah Yusof Ishak



### **Cikgu Nurashlyn Abdul Rashid**

Guru Sekolah Rendah Boon Lay Garden  
Finalis Anugerah Guru Arif Budiman 2011  
Kategori Guru Perangsang

**C**ikgu Nurashlyn Abdul Rashid telah berkhidmat sebagai seorang guru selama tiga tahun. Walaupun baharu sahaja berkecimpung dalam dunia pendidikan, beliau telah dapat mengaplikasikan apa yang telah dipelajari melalui kursus-kursus yang pernah dihadirinya. Misalnya, Cikgu Nurashlyn telah melakarkan strategi kefahaman dan pakej pengajaran bertujuan untuk mengembangkan kemahiran analitikal. Pada tahun 2009, beliau menyertai projek kajian tindakan mengenai kemahiran penulisan. Dalam kajiannya, beliau menggunakan teknik *Focused Learning Organiser* untuk meningkatkan mutu karangan para pelajarnya.

Di sekolah, Cikgu Nurashlyn menganjurkan pelbagai pertandingan untuk para pelajar seperti Pertandingan Membaca Berita dan Pertandingan Menghasilkan Komik dengan menggunakan perisian *Comic Life*. Beliau juga aktif dalam kegiatan kokurikular. Beliau merancang Program Jejak Budaya dan Lawatan Penyerapan Budaya ke Terengganu dan Kelantan bagi murid-murid darjah 5. Bagi menyemai nilai kreativiti, beliau membimbing murid-murid hingga ke peringkat akhir dalam Pertandingan Juara Tok Selampit Riang Ria.

Di peringkat kelompok sekolah pula, Cikgu Nurashlyn turut terlibat dalam Kajian Tindakan bagi Kumpulan Bimbingan Bahasa Melayu Kelompok Barat 3. Beliau telah membentangkan Strategi Kefahaman semasa program *Boon Lay Secondary School's Conversations on Learning, Assessment and Pedagogies (CLAPS)*. Cikgu Nurashlyn menitikberatkan kesejahteraan emosi murid-muridnya. Melalui program *Adopt-A-Child*, beliau telah memberi bimbingan dan sokongan untuk seorang murid yang beribu tunggal. Bimbingan beliau membawa kesan positif dan jelas terbukti daripada keputusan cemerlang Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) murid tersebut. Cikgu Nurashlyn turut bekerjasama dengan ibu bapa demi meningkatkan prestasi murid-muridnya. Berkat kerjasama erat dengan ibu bapa, seorang murid bukan berbangsa Melayu telah berjaya meraih pangkat A\* dalam mata pelajaran bahasa Melayu untuk PSLE.


Cikgu Nurashlyn percaya hubungan baik yang terjalin antara guru dengan murid memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Hal ini penting demi merangsang dan meningkatkan pencapaian murid-murid. Beliau amat prihatin terhadap kebijakan para pelajarnya terutamanya mereka yang kurang mendapat sokongan di rumah. Dalam usaha mendekati dan memahami murid-murid, beliau menyediakan saluran komunikasi yang terbuka untuk mereka. Para pelajarnya tidak teragak-agak untuk meluahkan perasaan dan berkongsi masalah dengannya.

Pendidikan nilai bagi membentuk sahsiah pelajar juga amat dititikberatkan oleh Cikgu Nurashlyn. Setiap detik dan peluang yang ada, dimanfaatkan untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam diri murid-murid dan membina keperibadian dan perwatakan yang mulia.

Sebagai langkah menyemai minat terhadap bahasa Melayu, Cikgu Nurashlyn telah meningkatkan kesedaran murid-muridnya tentang pentingnya bahasa Melayu melalui perkongsian tentang beberapa bahasa yang telah pupus. Perkongsian beliau telah menyedarkan murid-muridnya tentang kemungkinan bahasa Melayu mengalami nasib yang serupa jika kurang digunakan.

Hingga kini, Cikgu Nurashlyn masih terus berusaha mencari strategi yang berkesan dan pelbagai untuk memupuk minat dan memperbaik kelemahan murid-murid dalam Bahasa Melayu.

Cikgu Nurashlyn berpendapat bahawa seorang guru harus berusaha mencari strategi yang berkesan untuk meningkatkan minat dan memperbaiki kelemahan pelajar dalam Bahasa Melayu. Seorang guru juga harus kreatif dan bijak menyemarakkan suasana pembelajaran di dalam kelas. Selain itu, penting juga guru menyemai minat membaca di dalam diri pelajar agar kelemahan ini dapat diatasi.





## Cikgu Suriati binte Djuahir

Guru Sekolah Rendah West View

Finalis Anugerah Guru Arif Budiman 2011

Kategori Guru Perangsang

**B**eliau mempunyai pengalaman mengajar selama 7 tahun. Cikgu Suriati Binte Djuahir berusaha menyediakan ruang bagi pembelajaran Bahasa Melayu di luar bilik darjah dengan memastikan murid-muridnya terlibat dalam pelbagai kegiatan bahasa yang dianjurkan oleh Jabatan Bahasa Melayu sekolahnya, di peringkat kelompok sekolah dan juga di peringkat nasional.

Beliau banyak membantu murid-muridnya dengan menyediakan bahan-bahan yang dapat merangsang dan memudahkan mereka belajar. Beliau juga banyak menggunakan bahan-bahan ICT dalam pengajaran beliau. Beliau menggunakan *Podcast* untuk membantu murid-muridnya dalam pembelajaran kefahaman subjektif dan kefahaman mendengar. Kemahirannya dalam bidang ICT juga dikongsi bersama guru-guru lain di peringkat sekolah dan kelompok sekolah. Beliau juga pernah dijemput untuk memberikan ceramah kepada ibu bapa untuk membantu mereka mempersiapkan anak-anak untuk memulakan pendidikan di sekolah rendah.

Cikgu Suriati sering menggunakan pengajaran pembezaan di dalam bilik darjah untuk menonjolkan kemampuan murid-murid yang sebenar.

Mengenali profil murid dan menjalinkan hubungan yang baik antara guru dan murid dapat menghasilkan suasana pembelajaran lebih selesa dan menyeronokkan. Beliau sentiasa mencari idea-idea baharu dan kreatif agar dapat menghasilkan pengajaran bahasa Melayu yang berkualiti dan menarik. Antara lain Cikgu Suriati menerapkan penggunaan ICT seperti *blogging*, *podcast* forum diskusi dalam portal sekolah, *photo story* dan *google apps* dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Cikgu Suriati percaya pembelajaran tidak hanya berlaku di dalam bilik darjah. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di luar masa kurikulum seperti lawatan dan perkhemahan merupakan satu pengajaran yang autentik dan amat berkesan. Murid-muridnya dapat menghayati dan mempelajari bahasa dan budaya Melayu dalam suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Pembelajaran berlaku di mana-mana sahaja. Dengan berdarmawisata, murid-murid dapat melihat bahasa Melayu dari sudut yang berbeza. Pengalaman yang diraih di luar darjah dapat dimanfaatkan semasa pengajaran dalam bilik darjah.





## Cikgu Asmadi bin Mohamad

Guru Sekolah Menengah Damai

Finalis Anugerah Guru Arif Budiman 2011

Kategori Guru Perangsang

**C**ikgu Asmadi Bin Mohamad, Ketua Jabatan Teknologi (ICT), telah mengajar selama lapan tahun. Beliau juga merupakan penasihat bagi Jabatan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Damai.

Cikgu Asmadi merupakan pengurus bengkel intensif tahunan Bahasa Melayu yang diadakan untuk para pelajar yang akan menduduki peperiksaan GCE 'O'. Beliau juga telah membuat kompilasi buku panduan untuk para pelajar ini. Selain itu, beliau telah menerajui sekumpulan guru-guru Melayu dalam Program Antarabangsa Bahasa Melayu (2009 & 2010). Beliau telah berkongsi strategi pengajaran dan kemahiran pemimpinan dengan pengetua, superintendent dan guru-guru dari SMP 5, Jogjakarta. Beliau juga telah mengajar pembelajaran Melayu kepada para pelajar Indonesia sebagai sebahagian daripada program pertukaran pelajar.


Demi kecintaannya kepada sastera Melayu dan seni persembahan, beliau telah membantu sekolahnya meraih beberapa anugerah seperti meraih anugerah perak dalam kategori tarian Melayu semasa pertandingan SYF. Cikgu Asmadi juga telah memenangi anugerah *MOE Outstanding Contribution Award* bagi individu (2006) dan kumpulan (2007). Sebagai guru, beliau sentiasa menitikberatkan pendekatan inovatif. Beliau juga merupakan penerima anugerah Guru Inovatif pada tahun 2004. Dengan menyumbang idea-idea berasas, beliau telah merangkul anugerah *Top Contributor Award* (2006).

Walaupun sibuk dengan tugas harian, beliau juga aktif dalam bidang kemasyarakatan. Beliau merupakan seorang sukarelawan di Rumah Kebajikan Muhammadiyah yang aktif menyumbangkan tenaganya. Selain itu, beliau juga memberikan bimbingan kaunseling kepada pelajar Melayu yang bermasalah. Cikgu Asmadi percaya beliau bertanggungjawab bagi memotivasi dan memimpin anak Melayu di kawasan kejiranannya untuk berjaya dalam hidup.

Cikgu Asmadi memegang prinsip selalu memandang ke hadapan. Prinsip ini, telah menjadikannya seorang yang lebih berwawasan, tinggi beriltizam dan jauh memandang ke persada globalisasi. Semua ini menjadi lebih bermakna apabila beliau dapat menteraskannya dengan ilmu teknologi maklumat yang cukup padat.

Antara usaha yang telah beliau lakukan untuk merealisasikan harapannya ialah menerajui projek kajian tindakan dan *Lesson Study* di peringkat kelompok dan nasional. Dalam usaha ini, beliau telah memimpin para guru untuk menggunakan teknologi di dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Untuk lebih menjayakan projek ini, beliau telah menjalankan kajian terlebih dahulu untuk meneroka cabaran dan permasalahan penggunaan teknologi di peringkat sekolah khususnya di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Sebagai tindakan susulan, beliau telah bekerjasama dengan pihak ETD dan beberapa syarikat untuk menerajui projek rekaan kurikulum bahasa Melayu untuk *Mobile Learning*.

Usaha Cikgu Asmadi yang terkini adalah mempersiapkan makmal *Teaching & Learning* di sekolahnya, dengan harapan dapat digunakan untuk program penukaran melalui sidang video secara langsung antara sekolah-sekolah di Singapura dengan yang di luar negara baik dalam aspek pencerapan kelas, kajian pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu mahupun persidangan dan interaksi di antara para pelajar dan guru.





### **Cikgu Sabariah binte M Samuni**

Guru Sekolah Rendah Boon Lay Garden

Finalis Anugerah Guru Arif Budiman 2011

Kategori Guru Teladan

**C**ikgu Sabariah Binte Mohamed Samuni berpengalaman mengajar selama hampir sedekad. Sejak dilantik sebagai Ketua Subjek Bahasa Melayu pada tahun 2009, Cikgu Sabariah berusaha dengan gigih untuk mengukuhkan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Beliau kerap berkongsi ilmu dan maklumat semasa mesyuarat jabatan yang telah membawa kepada pembangunan inovatif pedagogi bermanfaat seperti Pengajaran Kefahaman dengan menggunakan *IClues* dan Fokus Pembelajaran Penganjur. Cikgu Sabariah juga terlibat dalam dalam kajian tindakan yang dijalankan di sekolah sejak 2009 yang telah menunjukkan peningkatan dalam kemahiran menulis murid-murid.

Cikgu Sabariah sering menggalakkan murid-murid untuk mengambil bahagian dalam pertandingan serta aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan lain seperti Pertandingan Vodcast Nasional pada tahun 2010 sehingga salah satu daripada kerja muridnya telah disiarkan di ruangan *Gen-G* di Berita Harian. Beliau juga telah menganjurkan lawatan pada tahun 2009 ke Kelantan dan Terengganu bersama murid-murid Darjah 5. Mereka telah mempelajari bahasa Melayu dialek Kelantan dan Terengganu serta belajar tentang budaya masyarakat Melayu dari kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Cikgu Sabariah menjadi contoh kepada guru-guru lain kerana dia sering mempertingkatkan kemahiran diri secara berterusan dengan menghadiri kursus-kursus seperti Penilaian dan Pentaksiran dalam Bahasa Melayu, Penulisan Genre untuk Kelas Bahasa Melayu dan Kajian Tindakan untuk guru-guru Bahasa Melayu. Beliau juga menggalakkan guru-guru di bawah kepimpinannya untuk melanjutkan pelajaran dan terus mengikuti perubahan landskap dalam bidang pendidikan. Dia merupakan penerima Anugerah Kajian pada tahun 2010.

Cikgu Sabariah percaya dalam memanfaatkan ICT untuk menjadikan pembelajaran menyeronokkan. Beliau telah menggunakan platform seperti Cybermelayu dan portal LEAD untuk menambah nilai pembelajaran Bahasa Melayu.

Cikgu Sabariah merupakan anggota utama Kumpulan Sokongan Bahasa Melayu Kelompok Barat 3. Beliau terlibat dalam perancangan aktiviti seperti Penulisan Kreatif dan Perkhemahan Bahasa untuk murid-murid. Beliau juga ialah pengurus pada tahun 2010 untuk Kelompok Barat 3 Hari Kreativiti dan Inovasi Bahasa Melayu (HAKIM) yang telah dibuka kepada semua sekolah di Singapura. Platform ini memberi peluang bagi guru-guru untuk berkongsi bukan sahaja teknik mengajar yang inovatif tetapi kajian tindakan masing-masing.

Di peringkat kebangsaan, beliau mengendalikan sesi pengalaman bilik darjah semasa MOE *Excel Fest* pada tahun 2006. Beliau juga telah mengambil bahagian dalam Program Bahasa dan Penyerapan Budaya ke Brunei Darussalam pada tahun 2008 yang telah dianjurkan oleh Persatuan Guru Bahasa Melayu.

Cikgu Sabariah memberi tumpuan menyediakan penjagaan dan keprihatinan bagi kebajikan murid-muridnya. Beliau boleh berkomunikasi terutama dengan mereka yang mempunyai masalah disiplin. Hubungannya dengan murid-murid baik walaupun dia dikenali dengan ketegasannya

Beliau percaya bahawa setiap pelajar istimewa. Perkara ini ditegaskan dalam dirinya sendiri semasa mengambil bahagian dalam program *Adopt-a-Child*, dengan membimbing pelajar yang berisiko selama setahun.

Beliau berinteraksi dengan ibu bapa pelajar, membina hubungan baik dan mengambil berat akan keperluan sosial dan emosi pelajar. Di dalam kelas, beliau memantau dan menasihati pelajar-pelajar yang mempunyai masalah tingkah laku. Murid-murid berasa lebih selesa untuk berkongsi rahsia dan mendapatkan nasihat Cikgu Sabariah mengenai masalah yang mereka hadapi.

Cikgu Sabariah seniasa memaparkan sikap komited dan berdedikasi untuk memastikan peranan yang wajar sebagai pendidik. Beliau terus-menerus berusaha untuk memperbaiki dirinya dengan mengumpulkan maklum balas dan kritikan yang membina.





## Cikgu Muslim bin Hanafiah

Guru Sekolah Menengah Yusof Ishak

Finalis Anugerah Guru Arif Budiman 2011

Kategori Guru Teladan

Cikgu Muslim Bin Hanafiah merupakan seorang guru yang telah mengajar selama 19 tahun. Beliau sedang melanjutkan pengajian Sarjana Pendidikan Pengkhususan Bahasa Melayu di Universiti Teknologi Nanyang. Sebagai seorang guru yang berpengalaman, beliau telah banyak berkongsi dengan guru-guru lain. Beliau dan beberapa guru itu telah menubuhkan Kelompok Sokongan Sekolah Kesusasteraan atas inisiatif mereka sendiri. Pada tahun 2009, mereka telah menganjurkan Jejak Latar novel "Subuh Hilang Senja", Bicara Sastera bersama Cikgu Suratman Markasan dan Program Penyerapan di Bali. Pada tahun 2010 pula, mereka mengadakan Malam Puisi, Sesi Bicara Sastera bersama Rosyam Nor dan Penerbitan Bingkisan Bali – antologi sajak-sajak tulisan para pelajar. Sumbangan beliau dalam bidang Bahasa Kesusasteraan atau Kebudayaan Melayu telah diiktiraf dengan anugerah seperti MOE Outstanding Contribution Award (2008, Mother Tongue Department) dan MOE Outstanding Contribution Award (2010).

Usaha-usaha beliau yang menunjukkan dedikasi dan ketekalan demi mencapai kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam dan di luar bilik darjah dapat dibuktikan kerana beliau percaya bahawa pembelajaran tidak terbatas kepada buku teks dan bilik darjah sahaja. Selain daripada pembelajaran kerjasama, pembelajaran kolaboratif, Penyoalan *Socratic* dan ICT, beliau juga mengambil inisiatif

dengan membentuk Teater dalam Pendidikan. Pada tahun 2008, beliau telah berusaha untuk menjadikan dua buah bilik darjah di sekolah kepada sebuah teater *Blackbox*. Pendekatan ini mengajar para pelajar beliau cara-cara menyelesaikan masalah, bekerjasama dan juga meningkatkan kepercayaan diri mereka. Konsep bilik darjah di luar bilik darjah telah menggalakkan beliau mengadakan aktiviti seperti Kembara Sastera yang menekan pembelajaran dan penulisan sajak di Kolam Air Macritchie dalam tahun 2008 hingga 2011. Kembara Ilmu seperti Perkhemahan di Pulau Ubin dan Jejak Warisan ke Kampung Glam telah mendorong para pelajar beliau bergiat dalam pembelajaran autentik. Beliau juga menggalakkan para pelajar beliau supaya menghadiri acara-acara kesenian seperti Drama Awang Belanga oleh Institut Millenia, Drama Mayat dan beberapa pementasan lain. Program Penyerapan dan Pertukaran di luar negara telah giat dijalankan di Langkawi dan Penang, Semarang, Sarawak, Bali dan Bandung dari tahun 2007 hingga 2010.

Antara penglibatan beliau di peringkat Kelompok Sekolah-sekolah Barat 1 ialah peraduan-peraduan bahasa dan budaya bagi pelajar dan penerbitan Cetusan Minda yang telah menerbitkan karangan-karangan pelajar. Di peringkat nasional pula, beliau telah mengambil bahagian dalam perkongsian profesional yang dianjurkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum (CPDD), program sarjana muda NIE dan juga Kelompok Sokongan sekolah-sekolah Kesusasteraan. Beliau juga pernah menjadi pengadil peraduan mengarang dan kuiz. Beliau juga merupakan ahli jawatankuasa beberapa organisasi kesenian seperti ASAS '50, Teater Berangkai dan lain-lain lagi. Beliau terlibat dengan Lembaga Perpustakaan Negara seperti menjadi pengkaji AKSARA dan menulis skrip serta mengarah pelajar untuk sketsa Cermin Ajaib semasa pelancaran buku Peter Augustine Goh.


Di peringkat serantau dan antarabangsa, beliau membina jaringan dengan sekolah-sekolah di negara-negara jiran untuk memberi peluang kepada para guru dan pelajar bekerjasama dan mempelajari daripada satu sama lain. Ini bertujuan untuk menghasilkan para pelajar yang akan menjadi warganegara global.

Memang tidak dinafikan bahawa beliau telah menunjukkan keprihatinan tentang kebajikan pelajar dengan membuka sekolah sehingga waktu malam supaya para pelajar yang berasal dari keluarga susah dapat persekitaran pembelajaran yang kondusif sebelum peperiksaan. Beliau juga membenarkan ibu bapa pelajar menghubunginya pada bila-bila masa sahaja untuk berbincang tentang kebajikan anak-anak mereka. Kegigihan beliau meraih Sarjana Pendidikan dan meluangkan cuti sekolah dengan menjalankan kerja-kerja kebajikan di luar negara seperti di rumah anak-anak yatim di Semarang dan Yogjakarta telah menjadi inspirasi kepada anak didik beliau supaya mengamalkan sifat keihsanan dengan memberi mereka peluang untuk menjalankan kerja-kerja kebajikan sama ada di dalam atau di luar negara.



# Pemenang AGAB 2007 - 2010











# *Sekalung Budi*

Tetamu Kehormat  
Encik Heng Swee Keat  
Menteri Pendidikan

Encik Hawazi Daipi  
Setiausaha Parlimen Kanan,  
Kementerian Pendidikan dan Kementerian Tenaga Manusia  
Pengerusi, Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan  
Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)

Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad  
Menteri Negara  
Kementerian Ehwal Dalam Negeri & Kementerian Ehwal Luar

Jawatankuasa Pembelajaran & Penggalakan Penggunaan  
Bahasa Melayu (MLLPC)

Pendeta Dr. Muhammad Ariff Ahmad

Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)  
Mini Environment Services Pte. Ltd.  
Sirius Marine Pte. Ltd.  
Yayasan Lee

Persatuan Silat Grasio Revue  
Politeknik Republik  
Sekolah Menengah Bukit Batok  
Sekolah Rendah Yangzheng  
Sekolah Rendah Loyang



Setiap Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2011 akan menerima sebuah trofi berbentuk tembikar. Tembikar ini merupakan hasil kerja insan seni tersohor negara, Iskandar Jalil. Pengarca tembikar ini pernah menerima Pingat Budaya (Seni Visual) pada tahun 1988. Beliau terkenal sebagai seorang seniman seni tembikar dan diiktiraf sebagai antara yang terbaik di dunia. Hasil kerjanya menggabungkan kesenian Jepun dan Islam. Pada tahun 2002, beliau telah menerima Anugerah Jauhari.

ANJURAN



KESATUAN GURU-GURU  
MELAYU SINGAPURA  
(KGMS)

DENGAN SOKONGAN



JAWATANKUASA PEMBELAJARAN DAN  
PENGGALAKAN PENGGUNAAN  
BAHASA MELAYU  
(MLLPC)

